

## Penunjuk Henti Melahu Tidak Menyala

---

Jikalau penunjuk Henti Melahu tidak menyala, lakukan yang berikut.

**Jika mod tunggangan adalah kosong (mod I):**

Tukarkan mod tunggangan kepada D atau S.

**Jikalau enjin sejuk:**

Panaskan enjin secukupnya.

Sistem Henti Melahu tidak berfungsi apabila enjin berada dalam keadaan sejuk.

**Jika anda tidak menunggang skuter selepas enjin dihidupkan:**

Tunggang skuter pada kelajuan lebih daripada 10 km/j (6 bsj). Sistem Henti Melahu tidak berfungsi sehinggalah anda menunggangnya sekurang-kurangnya sekali.

**Lampu penunjuk kerosakan PGM-FI (MIL) menyala:**

Apabila lampu penunjuk kerosakan PGM-FI (MIL) menyala, sistem Henti Melahu tidak berfungsi untuk perlindungan enjin. Sila berjumpa wakil pengedar sah anda.

**Jika penunjuk untuk bateri sistem hibrid menyala:**

Hubungi wakil pengedar sah anda dengan segera. Sistem Henti Melahu tidak berfungsi disebabkan perlindungan bateri untuk sistem hibrid atau disebabkan masalah bateri untuk sistem hibrid.

**Jika jumlah baki bateri untuk sistem hibrid adalah rendah:**

Hidupkan enjin dan cas bateri untuk sistem hibrid. Sistem Henti Melahu tidak berfungsi jika segment (L) pertama sahaja yang mula berkelip pada pengukur bateri untuk sistem hibrid.